

21 SEP 1998

UMNO-Anwar

MESYUARAT KHAS MAJLIS TERTINGGI UMNO BINCANG ISU ANWAR

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO hari ini mengadakan mesyuarat khas membincangkan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Belum ada pengumuman rasmi mengenai hasil mesyuarat itu kerana persidangan berita yang dijadualkan pada 5.30 petang di Jabatan Perdana Menteri, tempat mesyuarat berlangsung, telah dibatalkan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden UMNO mempengerusikan mesyuarat itu.

"Mesyuarat itu membincangkan isu Datuk Seri Anwar termasuk penerangan kepada anggota UMNO peringkat akar umbi mengenai kedudukan sebenar," menurut seorang pegawai Perdana Menteri.

Anwar ditangkap di kediamannya di Damansara malam tadi beberapa jam selepas perhimpunan haram di Masjid Negara dan Dataran Merdeka oleh Anwar dan penyokongnya dalam usaha meneruskan apa yang dipanggilnya "pergerakan reformasi".

Menurut pegawai itu, MT berpendapat UMNO perlu meyakinkan rakyat mengenai kedudukan Anwar dan tuduhan-tuduhan salahlaku seks yang dihadapinya.

Dr Mahathir memecat Anwar daripada Kabinet 2 Sept lepas atas sebab bermoral rendah. Anwar sehingga ditangkap malam tadi terus menafikan segala tuduhan terhadapnya termasuk pengakuan di mahkamah seorang adik angkatnya dan seorang penulis ucapannya bahawa mereka diliwat oleh beliau.

Anwar dan penyokongnya bertindak semakin agresif dengan mengadakan perhimpunan haram sehingga mencetuskan kekacauan di ibu kota kelmarin.

"Mereka membincangkan mengenai apa yang harus dilakukan oleh Umno untuk meredakan keadaan tetapi ia tidaklah serius. Lebih banyak uaha perlu dilakukan untuk meyakinkan rakyat," katanya.

Dr Mahathir tidak dapat mengadakan persidangan berita selepas mesyuarat itu kerana terpaksa bersiap untuk menghadiri majlis penutupan Sukan Komanwel ke-16 di Stadium Nasional Bukit Jalil malam ini.

Mesyuarat itu dihadiri semua anggota MT UMNO kecuali Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang kini berada di luar negara.

Sementara itu, wakil Pergerakan Ketua Pemuda Umno, Zein Isma Ismail ketika ditemui di luar pintu pagar utama perkarangan Jabatan Perdana Menteri berkata, beliau yang mewakili pergerakan itu telah menyerahkan kepada Setiausaha Agung parti Datuk Sabbaruddin Chik resolusi Pemuda Umno yang antara lain menyentuh kedudukan Datuk Ahmad Zahid Hamidi sebagai Ketua Pergerakan itu.

Beliau berkata resolusi itu diserahkan selepas mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Penerangan Pemuda Umno Datuk Abdul Fatah Iskandar.

-- BERNAMA

AFY AZ FAZ